



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
2023 JULY EXAMINATION**

CIVIL PROCEDURE

Thursday, 20 July 2023

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.15 a.m.

Answering Time : 9.15 a.m. - 12.15 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B' .**
 - * YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 11 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidates MUST answer this question**

- (a) Abu signed an agreement with TAS Sdn. Bhd. (“TAS”) for TAS to supply materials to his factory at Kota Bharu, Kelantan for the manufacturing of his products (“Supply Contract”). TAS has its registered address at Kuala Lumpur.

For the purposes of the Supply Contract, TAS has appointed an agent, Ahmad who resides in Kota Bharu, Kelantan to source the materials and arrange transportation for the supply of the materials to Abu’s factory.

As Abu does not have an office in Kuala Lumpur, he does not deal with anyone from TAS except when signing the Supply Contract. At all material times, Abu only dealt with Ahmad in relation to the supply of the materials under the Supply Contract.

Some of Abu’s customers found that the products Abu delivered to them were defective and refused to accept the same. As a result, Abu suffered a loss of profit amounting to not less than RM1 million.

Upon investigation, Abu found that the defect in his products must have been caused by the materials supplied by Ahmad. Ahmad denied liability and claimed that the materials supplied by him are only one of many other materials that are used to manufacture Abu’s products. The formula that is used to manufacture Abu’s products is not reduced in writing. Abu disagreed with Ahmad’s contention and wishes to commence a legal action to recover the loss he had suffered.

Advise Abu on the following matters:

(i) **Whether he has a complete cause of action and who he should sue.**

(7 marks)

(ii) **In which court and where should his legal action be commenced.**

(4 marks)

(iii) **The mode of originating process that should be used to commence the legal action.**

(4 marks)

(b) Assuming that Abu has commenced his legal action by way of writ at the High Court. During the case management, the learned Judge gave a direction that any interlocutory application must be made two (2) months before the trial (“CM’s Direction”).

On the first day of the trial, the Counsel for Abu wished to move the Court for an order to amend Abu’s statement of claim. The learned Judge refused the request by Abu’s Counsel on the grounds of CM’s Direction.

The learned Judge did not believe Abu’s testimony and found that his products were manufactured using more than one material. The High Court dismissed Abu’s claim.

(i) **Give your opinion whether the learned Judge’s refusal of the request of Abu’s Counsel is appealable.**

(3 marks)

(ii) **Advise Abu as to the relevant procedure, and the applicable test to be used, to challenge the findings of the High Court.**

(7 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**2. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) A Plaintiff filed a writ action against three (3) Defendants, namely a Government Department as the 1st Defendant and against two (2) individuals as the 2nd and 3rd Defendants respectively.

The Plaintiff served the writ on the 1st Defendant by AR registered post to its head office in Putrajaya. The AR card was duly acknowledged by the Director of the said Government Department who affixed his rubber stamp on the AR card.

The Plaintiff served the writ on the 2nd Defendant by AR registered post to his residential address in a condominium in Kajang. The AR card was acknowledged by a private security guard in the condominium's lobby who also affixed his security company rubber stamp on the AR card.

The Plaintiff served the writ on the 3rd Defendant's solicitors (who had acted for the 3rd Defendant in a previous court proceeding) by leaving a copy of the writ at the solicitors' office.

Advise the Plaintiff whether the writ was properly served on all the three (3) Defendants.

(9 marks)

- (b) **A Plaintiff filed a writ action against two (2) Defendants for damages arising from a breach of contract. Three (3) months later, the Plaintiff obtained leave from the court to include Chong as the 3rd Defendant in the suit and served the writ of summons on him. Chong is unhappy that he is unnecessarily made a Defendant to the suit and has sought your**

advice as to the procedure he should adopt to remove himself as a Defendant.

(7 marks)

- (c) Param entered into a sale and purchase agreement to acquire a double storey dwelling house from Devan and paid a deposit to Devan. At the same time, Devan commenced negotiations with Wong to purchase Wong's house in a neighbouring housing estate. However, Wong changed his mind to sell his property and Devan was thus unable to proceed with the purchase of Wong's property. Devan then informed Param that he does not intend to proceed with the sale of his property to Param and offered to refund the deposit and pay some compensation to Param. Param has refused Devan's offer and demanded that the sale and purchase agreement must be completed.

Advise Param on the quickest mode of obtaining judgment against Devan in order to compel Devan to proceed with the sale of the property to Param.

(9 marks)

3. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) A Plaintiff filed a writ action against four (4) Defendants and the writ was issued on 1 February 2023. By 20 July 2023, the Plaintiff managed to serve the writ on the 1st, 2nd and 3rd Defendants. The 4th Defendant is evading service. On the case management date on 20 July 2023, the court directed that if the writ was not served on the 4th Defendant by the next case management date, which is on the 30 August 2023, the court would strike out the writ against the 4th Defendant.

Advise the Plaintiff on the procedure he should adopt to ensure that the writ is validly and effectively served on the 4th Defendant before the next case management date.

(10 marks)

- (b) James filed a writ action against Peter in a claim for goods sold and delivered. At the trial, James' claim was dismissed by the court on the ground that he had failed to tender as exhibits the relevant invoices and delivery orders. James did not file an appeal against the dismissal of his claim. Instead, James filed a fresh action against Peter for the same subject matter and intends that at the fresh trial, he would tender the invoices and delivery orders as exhibits in the hope he would succeed in his claim the second time.

Peter has sought your advice on how he should dispose off James' second claim in the quickest way possible.

(8 marks)

- (c) A Plaintiff obtained a monetary judgment against a Defendant. The Defendant is a substantial shareholder in a private limited company involved in the transport business. The Plaintiff wants to enforce the judgment against the Defendant.

Advise the Plaintiff on the mode of execution proceedings that he should adopt.

(7 marks)

4. Answer ALL parts of this question

- (a) Global Traders Association is an association registered under the Societies Act 1966 ("the Association"). Its objective is to promote the trade interests of its members and to enhance the relationship amongst its members. Hassan is one of its members.

A dispute arose between Hassan and the Committee Members of the Association in respect of his conduct regarding the affairs of the Association ("Hassan's Impugned Conduct"). The Committee Members of the Association decided to call for an Extraordinary General Meeting ("EGM")

for its members to discuss and pass a resolution to expel Hassan as a member of the Association. The agenda of the EGM includes a discussion about Hassan's Impugned Conduct.

Fearing that defamatory remarks may be made against him during the discussion at the EGM, Hassan, seven (7) days before the EGM, through his lawyer filed a writ action at the High Court against the Association in the name of its President seeking a declaration that the Association does not have the power to expel him based on the grounds of his Impugned Conduct. At the same time, Hassan filed an *Ex-Parte* application applying for an order to restrain the convening and holding of the EGM pending the disposal of his writ action ("the *Ex-Parte* Application").

Hassan's lawyer did not give notice of the *Ex-Parte* Application to the President of the Association. Neither did Hassan state in his affidavit in support of the *Ex-Parte* Application why the *Ex-Parte* Application cannot be heard *Inter-Parte* and why no notice was given to the President of the Association.

Give your opinion as to the propriety of the *Ex-Parte* Application filed by Hassan. In your answer, you are to discuss the appropriate procedure and legal principles in relation to an *Ex-Parte* Application for an interim injunction.

(7 marks)

- (b) Assuming the High Court Judge does not hear Hassan's application applying for an order to restrain the convening and holding of the EGM pending the disposal of his writ action by way of *Ex-Parte*, but set the matter down for an *Inter-Parte* hearing two (2) days before the EGM after parties have exhausted their exchange of affidavits ("the *Inter-Parte* Application").

As the lawyer for the Association, outline your submission to oppose the *Inter-Parte* Application by considering the relevant legal principles and decided cases.

(18 marks)

5. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) Ahmed, the managing partner of ABC Trading Company, a partnership, has sought your advice to file a writ action against two (2) parties, namely the Bukit Rusa Club which is a registered society and against the estate of Kumar, deceased. No letters of administration or probate have been issued for the estate of the deceased.

Advise Ahmed as to who should be named the proper parties in the proposed writ of summons.

(9 marks)

- (b) Phang filed a writ action against Donald in the High Court. The cause of action is in defamation. In his statement of claim, Phang quantified the general damages and prayed for a sum of RM2 million as general damages against Donald. After the pleadings were closed, the case was set down for trial.

On the trial date, Donald and his counsel were absent in court having been prevented from reaching the court due to serious flooding. As telecommunication services were disrupted, Donald's counsel was unable to inform the court of his difficulty to reach the court.

As Donald and his counsel were absent in court, the court gave judgment for Phang in the sum of RM2 million without Phang having to prove the damages and also granted costs of RM50,000.00 to Phang.

Advise Donald on the validity of the judgment entered against him and the procedure he should adopt and the legal principles involved in setting aside the judgment.

(10 marks)

- (c) A Plaintiff's application to amend his statement of claim in the High Court was heard and dismissed by the Registrar. The Plaintiff is aggrieved by the decision.

Advise the Plaintiff on the next course of action he should adopt.

(6 marks)

6. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) A Plaintiff filed a writ action against three (3) Defendants for breach of contract. After pleadings were closed, each of the Defendants filed applications to amend their respective Defences.
- (i) The 1st Defendant wants to add an allegation in his Defence to the effect that the Plaintiff is a gambler, swindler and criminal. These allegations are not connected to the facts surrounding the breach of contract.
- (ii) The 2nd Defendant in his original Defence admitted that he entered into a contract with the Plaintiff but denies that he breached the contract. In his proposed amended Defence, the 2nd Defendant denies ever knowing the Plaintiff or that he entered into a contract with the Plaintiff.
- (iii) The 3rd Defendant wants to amend his Defence by alleging fraud and breach of trust against the Plaintiff but has failed to give particulars of the allegations.

Advise the Plaintiff if he can successfully object to the applications to amend all the three (3) Defendants' respective Defences.

(9 marks)

- (b) XYZ Sdn. Bhd. recently purchased an oil palm plantation at a public auction. XYZ Sdn. Bhd. has discovered that there is a place of worship which was erected on the land in 1950 with the consent of a previous owner. The place of worship has two (2) occupants and no rent is paid. There are also twenty (20) houses erected on the land with fifty (50) occupants who are not paying rent and they are not in any way connected to the previous owners of the land.

XYZ Sdn. Bhd. has sought your advice to evict the occupants of the place of worship as well as the fifty (50) occupants of the twenty (20) houses from the land. Advise XYZ Sdn. Bhd. on the procedure that it should adopt to evict all the occupants promptly.

(11 marks)

- (c) Aman filed a writ action in the Sessions Court against Bakar. The Sessions Court granted judgment in favour of Aman. Bakar has filed a notice of appeal to the High Court against the decision of the Sessions Court. Bakar wants to adduce fresh evidence at the hearing of the appeal in the High Court.

Advise Bakar on the law and procedure in respect of introducing fresh evidence at the appeal stage.

(5 marks)

7. Answer ALL parts of this question

- (a) Pam and her 10-year-old son Andy were walking along a pavement when a car driven above the speed limit by Roger, skidded and collided into them. Pam suffered permanent brain injuries and is forever unable to care for

herself. Andy suffered serious injuries but made a full recovery. Tony, who is the husband of Pam and father of Andy, has sought your advice to commence legal proceedings against Roger for negligence.

Advise Tony as to who should be named as Plaintiff in the proposed legal proceedings and the procedure to be adopted.

(8 marks)

- (b) A writ action was filed in the Sessions Court against Roger for the injuries caused to Pam and Andy. The insurers of Roger are defending the writ action on his behalf. The trial date is fixed at the end of 2024.

Tony is finding it difficult to meet the expenses of taking care of Pam who requires full time nursing care. Advise Tony on the procedure he should adopt under the Rules of Court 2012 in order to obtain financial assistance prior to the trial.

(8 marks)

- (c) Prior to the trial date, Roger through his insurers has made an Offer to Settle to Tony pursuant to the relevant provision in the Rules of Court 2012. The amount offered is not substantial.

Advise Tony on the procedure that he should adopt if he wants to either accept or reject the Offer to Settle.

(9 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
PEPERIKSAAN BULAN JULAI 2023**

PROSEDUR SIVIL

Khamis, 20 Julai 2023

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.15 pagi

Masa Menjawab : 9.15 pagi - 12.15 tengah hari

-
- *KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - *ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - *ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - *BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - *KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 13 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

- (a) Abu menandatangani suatu perjanjian dengan TAS Sdn. Bhd. (“TAS”) supaya TAS membekalkan bahan ke kilangnya di Kota Bharu, Kelantan bagi pembuatan produknya (“Kontrak Bekalan”). TAS mempunyai alamat berdaftar di Kuala Lumpur.

Bagi maksud Kontrak Bekalan itu, TAS telah melantik seorang ejen, Ahmad yang tinggal di Kota Bharu, Kelantan untuk membekalkan bahan itu dan mengaturkan pengangkutan bagi pembekalan bahan itu ke kilang Abu.

Memandangkan Abu tidak mempunyai pejabat di Kuala Lumpur, dia tidak berurusan dengan mana-mana orang daripada TAS kecuali semasa menandatangani Kontrak Bekalan. Pada setiap masa yang material, Abu hanya berurusan dengan Ahmad berhubung dengan pembekalan bahan di bawah Kontrak Bekalan itu.

Beberapa pelanggan Abu mendapati bahawa produk yang diserahkan oleh Abu kepada mereka adalah rosak dan enggan menerima produk itu. Akibatnya, Abu telah mengalami kehilangan keuntungan yang berjumlah tidak kurang daripada RM1 juta.

Apabila disiasat, Abu mendapati bahawa kerosakan pada produknya mesti telah disebabkan oleh bahan yang dibekalkan oleh Ahmad. Ahmad menafikan liabiliti dan mendakwa bahawa bahan yang dibekalkan olehnya hanyalah salah satu daripada banyak lagi bahan lain yang digunakan untuk membuat produk Abu. Formula yang digunakan untuk membuat produk Abu tidak diubah ke dalam bentuk bertulis. Abu tidak bersetuju dengan pendapat

Ahmad dan berhasrat untuk memulakan tindakan undang-undang untuk mendapatkan balik jumlah kerugian yang telah dialaminya.

Berikan nasihat kepada Abu mengenai perkara yang berikut:

(i) **Sama ada dia mempunyai kausa tindakan yang lengkap dan terhadap siapa sepatutnya dia membawa guaman?**

(7 markah)

(ii) **Dalam mahkamah yang mana dan di mana sepatutnya tindakan undang-undangnya dimulakan.**

(4 markah)

(iii) **Cara proses pemula yang sepatutnya digunakan untuk memulakan tindakan undang-undang itu.**

(4 markah)

(b) Andaikan bahawa Abu telah memulakan tindakan undang-undangnya dengan cara writ di Mahkamah Tinggi. Semasa pengurusan kes, Hakim yang bijaksana telah memberikan arahan bahawa apa-apa permohonan interlokutori mestilah dibuat dua (2) bulan sebelum perbicaraan (“Arahan PK”).

Pada hari pertama perbicaraan, Peguam bagi Abu berhasrat untuk memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah untuk meminda pernyataan tuntutan Abu. Hakim yang bijaksana telah menolak permintaan oleh Peguam Abu atas alasan Arahan PK.

Hakim yang bijaksana tidak mempercayai testimoni Abu dan mendapati bahawa produknya telah dibuat dengan menggunakan lebih daripada satu bahan. Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan Abu.

- (i) **Berikan pandangan anda sama ada penolakan Hakim yang bijaksana terhadap permintaan Peguam Abu boleh dirayu.**

(3 markah)

- (ii) **Berikan nasihat kepada Abu tentang prosedur yang berkaitan, dan ujian yang terpakai yang hendaklah digunakan, untuk mencabar dapatan Mahkamah Tinggi.**

(7 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN

2. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Seorang Plaintiff telah memfailkan suatu tindakan writ terhadap tiga (3) Defendan, iaitu suatu Jabatan Kerajaan sebagai Defendan Pertama dan terhadap dua (2) orang individu sebagai Defendan Kedua dan Ketiga masing-masing.

Plaintiff telah menyampaikan writ itu kepada Defendan Pertama melalui pos berdaftar Akuan Terima di ibu pejabatnya di Putrajaya. Kad Akuan Terima itu telah diaku terima dengan sewajarnya oleh Pengarah Jabatan Kerajaan tersebut yang telah mengecapkan cap getahnya pada kad Akuan Terima itu.

Plaintif telah menyampaikan writ itu kepada Defendan Kedua melalui pos berdaftar Akuan Terima ke alamat kediamannya di suatu kondominium di Kajang. Kad Akuan Terima itu telah diaku terima oleh pengawal keselamatan swasta di lobi kondominium itu yang juga telah mengecapkan cap getah syarikat keselamatannya pada kad Akuan Terima itu.

Plaintif telah menyampaikan writ itu kepada peguam cara Defendan Ketiga (yang telah bertindak bagi Defendan Ketiga dalam suatu prosiding mahkamah yang terdahulu) dengan meninggalkan sesalinan writ itu di pejabat peguam cara itu.

Berikan nasihat kepada Plaintiff sama ada writ itu telah disampaikan dengan sepatutnya kepada kesemua tiga (3) Defendan itu.

(9 markah)

- (b) **Seorang Plaintiff telah memfailkan suatu tindakan writ terhadap dua (2) Defendan bagi ganti rugi yang berbangkit daripada suatu kemungkiran kontrak. Tiga (3) bulan kemudian, Plaintiff telah mendapat kebenaran daripada mahkamah untuk memasukkan Chong sebagai Defendan Ketiga dalam guaman itu dan telah menyampaikan writ saman kepadanya. Chong berasa dukacita kerana tanpa sebab tertentu dia telah dijadikan Defendan kepada guaman itu dan telah meminta nasihat anda tentang prosedur yang patut diguna pakai olehnya untuk mengeluarkan dirinya sebagai Defendan.**

(7 markah)

- (c) Param membuat perjanjian jual beli untuk memperoleh suatu rumah kediaman dua tingkat daripada Devan dan telah membayar deposit kepada Devan. Pada masa yang sama, Devan memulakan rundingan dengan Wong untuk membeli rumah Wong di dalam kawasan perumahan yang berhampiran. Walau bagaimanapun, Wong telah menukar fikirannya untuk

menjual hartanya dan oleh itu Devan tidak dapat meneruskan pembelian harta Wong itu. Devan kemudiannya memaklumkan Param bahawa dia tidak berniat untuk meneruskan penjualan hartanya kepada Param dan menawarkan untuk membayar balik deposit dan membayar sedikit pampasan kepada Param. Param telah menolak tawaran Devan dan menuntut agar perjanjian jual beli itu disempurnakan.

Berikan nasihat kepada Param mengenai cara yang paling cepat untuk mendapatkan penghakiman terhadap Devan untuk memaksa Devan meneruskan penjualan harta itu kepada Param.

(9 markah)

3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Seorang Plaintiff telah memfailkan suatu tindakan writ terhadap empat (4) Defendan dan writ itu telah dikeluarkan pada 1 Februari 2023. Setakat 20 Julai 2023, Plaintiff berjaya menyampaikan writ itu kepada Defendan Pertama, Kedua dan Ketiga. Defendan Keempat mengelak penyampaian itu. Pada tarikh pengurusan kes pada 20 Julai 2023, mahkamah mengarahkan bahawa jika writ itu tidak disampaikan kepada Defendan Keempat sebelum tarikh pengurusan kes seterusnya, iaitu pada 30 Ogos 2023, mahkamah akan membatalkan writ terhadap Defendan Keempat itu.

Berikan nasihat kepada Plaintiff mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya untuk memastikan bahawa writ itu disampaikan secara sah dan berkesan kepada Defendan Keempat sebelum tarikh pengurusan kes yang seterusnya.

(10 markah)

- (b) James telah memfailkan suatu tindakan writ terhadap Peter dalam suatu tuntutan bagi barang yang telah dijual dan diserahkan. Semasa perbicaraan, tuntutan James telah ditolak oleh mahkamah atas alasan bahawa dia telah gagal mengemukakan sebagai eksibit invois dan pesanan penghantaran yang berkaitan. James tidak memfailkan rayuan terhadap penolakan tuntutannya itu. Sebaliknya, James telah memfailkan suatu tindakan baharu terhadap Peter bagi hal perkara yang sama dan berniat bahawa semasa perbicaraan baharu itu, dia akan mengemukakan invois dan pesanan penghantaran itu sebagai eksibit dengan harapan dia akan berjaya dalam tuntutannya kali yang kedua.

Peter telah meminta nasihat anda mengenai cara bagaimana dia sepatutnya mematahkan tuntutan kedua James dengan cara paling cepat yang mungkin.

(8 markah)

- (c) Seorang Plaintiff telah mendapat suatu penghakiman kewangan terhadap seorang Defendan. Defendan itu merupakan seorang pemegang syer yang substansial dalam suatu syarikat sendirian berhad yang terlibat dalam perniagaan pengangkutan. Plaintiff hendak menguatkuasakan penghakiman itu terhadap Defendan.

Berikan nasihat kepada Plaintiff mengenai cara prosiding pelaksanaan yang patut diguna pakai olehnya.

(7 markah)

4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

- (a) Global Traders Association merupakan suatu persatuan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (“Persatuan itu”). Tujuannya adalah untuk mempromosikan kepentingan perdagangan anggotanya dan untuk

meningkatkan hubungan dalam kalangan anggotanya. Hassan merupakan salah seorang anggotanya.

Suatu pertikaian telah berbangkit antara Hassan dengan Anggota Jawatankuasa Persatuan itu berkenaan dengan kelakuannya mengenai hal ehwal Persatuan itu (“Kelakuan Hassan yang Dipersoalkan”). Anggota Jawatankuasa Persatuan itu memutuskan untuk memanggil suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa (“MALB”) bagi anggotanya untuk membincangkan dan meluluskan suatu ketetapan untuk memecat Hassan daripada menjadi anggota Persatuan itu. Agenda bagi MALB itu termasuklah perbincangan mengenai Kelakuan Hassan yang Dipersoalkan.

Khuatir bahawa kata-kata fitnah mungkin dibuat terhadapnya semasa perbincangan di MALB itu, Hassan, tujuh (7) hari sebelum MALB itu, melalui peguamnya telah memfailkan tindakan writ di Mahkamah Tinggi terhadap Persatuan itu atas nama Presidennya yang memohon suatu perisytiharan bahawa Persatuan itu tidak mempunyai kuasa untuk memecatnya berdasarkan alasan Kelakuan yang Dipersoalkannya. Pada masa yang sama, Hassan telah memfailkan suatu permohonan *Ex-Parte* yang memohon suatu perintah untuk menghalang MALB itu daripada dipanggil dan diadakan sementara menunggu penyelesaian tindakan writnya (“Permohonan *Ex-Parte* itu”).

Peguam Hassan tidak memberikan notis mengenai Permohonan *Ex-Parte* itu kepada Presiden Persatuan itu. Hassan juga tidak menyatakan dalam affidavit sokongannya bagi Permohonan *Ex-Parte* itu mengapa Permohonan *Ex-Parte* itu tidak boleh didengar *Inter-Parte* dan mengapa tiada notis diberikan kepada Presiden Persatuan itu.

Berikan pandangan anda tentang kewajaran Permohonan *Ex-Parte* yang difailkan oleh Hassan. Dalam jawapan anda, anda dikehendaki untuk membincangkan prosedur dan prinsip undang-undang yang

bersesuaian berhubung dengan Permohonan *Ex-Parte* bagi suatu injunksi interim.

(7 markah)

- (b) Andaikan Hakim Mahkamah Tinggi tidak mendengar permohonan Hassan yang memohon suatu perintah untuk menghalang MALB itu daripada dipanggil dan diadakan sementara menunggu penyelesaian tindakan writnya dengan cara *Ex-Parte*, tetapi menetapkan perkara itu bagi suatu pendengaran *Inter-Parte* dua (2) hari sebelum MALB itu selepas pihak-pihak telah habis membuat pertukaran affidavit mereka (“Permohonan *Inter-Parte* itu”).

Sebagai peguam bagi Persatuan itu, rangkakan penghujahan anda untuk menentang Permohonan *Inter-Parte* itu dengan mempertimbangkan prinsip undang-undang dan kes yang telah diputuskan yang berkaitan.

(18 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Ahmed, rakan pengurusan ABC Trading Company, sebuah perkongsian, telah meminta nasihat anda untuk memfailkan suatu tindakan writ terhadap dua (2) pihak, iaitu Bukit Rusa Club yang merupakan suatu pertubuhan yang berdaftar dan terhadap harta pusaka Kumar, si mati. Tiada surat kuasa mentadbir atau probet telah dikeluarkan bagi harta pusaka si mati.

Berikan nasihat kepada Ahmed tentang siapa yang patut dinamakan sebagai pihak-pihak yang sepatutnya dalam writ saman yang dicadangkan.

(9 markah)

- (b) Phang telah memfailkan suatu tindakan writ terhadap Donald di Mahkamah Tinggi. Kausa tindakan itu ialah fitnah. Dalam pernyataan tuntutan, Phang menyatakan kuantiti ganti rugi am dan memohon bagi sejumlah wang sebanyak RM2 juta sebagai ganti rugi am terhadap Donald. Selepas pliding ditutup, kes itu ditetapkan untuk perbicaraan.

Pada tarikh perbicaraan, Donald dan peguamnya tidak hadir di mahkamah setelah dihalang daripada sampai ke mahkamah disebabkan oleh banjir yang teruk. Memandangkan terdapat gangguan pada perkhidmatan telekomunikasi, peguam Donald tidak dapat memaklumkan mahkamah mengenai kesukarannya untuk sampai ke mahkamah.

Memandangkan Donald dan peguamnya tidak hadir di mahkamah, mahkamah telah memberikan penghakiman yang memihak kepada Phang berjumlah sebanyak RM2 juta tanpa Phang perlu membuktikan ganti rugi itu dan juga memberikan kos sebanyak RM50,000.00 kepada Phang.

Berikan nasihat kepada Donald mengenai kesahan penghakiman yang dibuat terhadapnya dan prosedur yang patut diguna pakai olehnya dan prinsip undang-undang yang terlibat dalam menyetepikan penghakiman itu.

(10 markah)

- (c) Permohonan Plaintiff untuk meminda pernyataan tuntutannya di Mahkamah Tinggi telah didengar dan ditolak oleh Pendaftar. Plaintiff terkilan dengan keputusan itu.

Berikan nasihat kepada Plaintiff mengenai tindakan seterusnya yang patut diguna pakai olehnya.

(6 markah)

6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Plaintiff telah memfailkan suatu tindakan writ terhadap tiga (3) Defendan atas kemungkiran kontrak. Selepas pliding ditutup, setiap Defendan telah memfailkan permohonan untuk meminda Pembelaan mereka masing-masing.
- (i) Defendan Pertama ingin menambah suatu pengataan dalam Pembelaannya yang bermaksud bahawa Plaintiff ialah seorang kaki judi, penipu dan penjenayah. Pengataan ini tidak berkait dengan fakta yang berhubungan dengan kemungkiran kontrak itu.
- (ii) Defendan Kedua dalam Pembelaan asalnya mengaku bahawa dia telah membuat kontrak dengan Plaintiff tetapi menafikan bahawa dia telah memungkirkan kontrak itu. Dalam Pembelaan dipinda yang dicadangkannya, Defendan Kedua menafikan dia pernah mengenali Plaintiff atau bahawa dia telah membuat kontrak dengan Plaintiff.
- (iii) Defendan Ketiga ingin meminda Pembelaannya dengan mengatakan fraud dan pecah amanah terhadap Plaintiff tetapi telah gagal memberikan butir-butir mengenai pengataan itu.

Berikan nasihat kepada Plaintiff jika dia boleh membantah dengan jayanya permohonan untuk meminda Pembelaan kesemua tiga (3) Defendan itu masing-masing.

(9 markah)

- (b) XYZ Sdn. Bhd. baru-baru ini telah membeli suatu ladang kelapa sawit di suatu lelongan awam. XYZ Sdn. Bhd. mendapat tahu bahawa terdapat suatu tempat ibadat yang telah didirikan di atas tanah itu pada tahun 1950 dengan kebenaran pemilik terdahulu. Tempat ibadat itu mempunyai dua (2) orang

penghuni dan tiada sewa dibayar. Terdapat juga dua puluh (20) buah rumah yang didirikan di atas tanah itu dengan lima puluh (50) orang penghuni yang tidak membayar sewa dan mereka langsung tidak mempunyai kaitan dengan pemilik terdahulu tanah itu.

XYZ Sdn. Bhd. telah meminta nasihat anda untuk mengusir penghuni tempat ibadat itu serta lima puluh (50) orang penghuni bagi dua puluh (20) buah rumah itu daripada tanah itu. Berikan nasihat kepada XYZ Sdn. Bhd. mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya untuk mengusir kesemua penghuni itu dengan segera.

(11 markah)

- (c) Aman telah memfailkan suatu tindakan writ di Mahkamah Sesyen terhadap Bakar. Mahkamah Sesyen telah memberikan penghakiman yang memihak kepada Aman. Bakar telah memfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Mahkamah Sesyen itu. Bakar ingin mengemukakan keterangan baharu semasa pendengaran rayuan itu di Mahkamah Tinggi.

Berikan nasihat kepada Bakar mengenai undang-undang dan prosedur berkenaan dengan pengemukakan keterangan baharu di peringkat rayuan.

(5 markah)

7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

- (a) Pam dan anaknya Andy yang berumur 10 tahun sedang berjalan di sepanjang siar kaki apabila sebuah kereta yang dipandu melebihi had laju oleh Roger tergelincir dan berlanggar dengan mereka. Pam mengalami kecederaan otak kekal dan buat selama-lamanya tidak dapat menjaga dirinya sendiri. Andy mengalami kecederaan serius tetapi telah sembuh sepenuhnya. Tony, yang merupakan suami kepada Pam dan ayah kepada Andy, telah meminta nasihat

anda untuk memulakan prosiding undang-undang terhadap Roger atas kecuaiannya.

Berikan nasihat kepada Tony tentang siapakah yang patut dinamakan sebagai Plaintiff dalam prosiding undang-undang yang dicadangkan itu dan prosedur yang hendaklah diguna pakai.

(8 markah)

- (b) Suatu tindakan writ telah difailkan di Mahkamah Sesyen terhadap Roger bagi kecederaan yang diakibatkan kepada Pam dan Andy. Syarikat insurans Roger sedang membuat pembelaan terhadap tindakan writ itu bagi pihaknya. Tarikh perbicaraan ditetapkan pada akhir tahun 2024.

Tony mendapatinya sukar untuk membayar perbelanjaan bagi menjaga Pam yang menghendaki penjagaan jururawat sepenuh masa. Berikan nasihat kepada Tony mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi mendapatkan bantuan kewangan sebelum perbicaraan.

(8 markah)

- (c) Sebelum tarikh perbicaraan, Roger melalui syarikat insuransnya telah membuat Tawaran Penyelesaian kepada Tony menurut peruntukan yang berkaitan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Amaun yang ditawarkan tidaklah besar.

Berikan nasihat kepada Tony mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya jika dia ingin sama ada menerima atau menolak Tawaran Penyelesaian itu.

(9 markah)